

02/07/2002

Jawatan kritikal untuk guru bahasa Inggeris

KANGAR, Isnin - Cuepacs akan mencadangkan kepada kerajaan supaya guru bahasa Inggeris dimasukkan dalam kategori jawatan kritikal serta menerima faedah kumpulan itu seperti penerimaan elaun kritikal.

Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata cadangan itu selaras dengan keputusan kerajaan supaya tahap penguasaan bahasa itu ditingkatkan di kalangan pelajar.

"Kita juga akan memberi tumpuan bagaimana mahu menambah guru yang mahir dalam bahasa Inggeris dan komputer di luar bandar," katanya selepas majlis perasmian Seminar Kecemerlangan Pengurusan Pihak Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam di sini, hari ini.

Beliau berkata, Cuepacs menyokong dasar kerajaan supaya rakyat mahir berbahasa Inggeris bagi memastikan ketokohan pimpinan negara pada peringkat antarabangsa berterusan.

Katanya, kakitangan awam juga perlu meningkatkan penguasaan dalam bahasa itu kerana mereka turut terbabit dalam perkhidmatan kaunter dan pelancongan.

Berikutan penekanan kepentingan bahasa itu, Siva berkata, fokus Cuepacs untuk dua tahun ini ialah menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan kakitangan awam sebagai menyokong dasar kerajaan.

Di SITIAWAN, semalam Siva berkata, kerajaan dijangka mengumumkan keputusan berhubung kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB) tidak lama lagi.

Beliau berkata, kakitangan sektor awam seluruh negara perlu bersabar kerana hasil kajian SSB itu dijangka diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Apa yang pasti, beberapa berita baik akan diumumkan Perdana Menteri selepas pulang bercuti," katanya selepas majlis perasmian Mesyuarat Agung ke-35 Kesatuan Pekerja Rendah Awam Kerajaan Negeri Perak cawangan Manjung, semalam.

Jumaat lalu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman turut membayangkan pengumuman akan dibuat Perdana Menteri tidak lama lagi.

Sementara itu, Siva berkata, kakitangan awam digesa meningkatkan mutu perkhidmatan.

"Sudah sampai masa semua kakitangan berganding bahu membantu kerajaan memberi khidmat terbaik kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, Cuepacs menyokong tindakan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menggantung Skim Pengeluaran Pembelian Komputer (SPPK) selama tiga bulan berkuat kuasa serta-merta.

Katanya, langkah itu perlu bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan pengeluaran caruman ahli.